

# Galak lebih ramai tunai zakat

Tingkat keupayaan PPZ-MAIWP bantu golongan asnaf

Oleh NORAFIZA JAAFAR  
KUALA LUMPUR

Kadar kemiskinan bandar dan jumlah penerima zakat didapati meningkat setiap tahun disebabkan faktor cabaran ekonomi, kos sara hidup dan kenaikan harga barang serta inflasi.

Demikian dimaklumkan Pengerusi Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman yang mana atas keadaan itu katanya, wang zakat penting buat Baitulmal MAIWP melaksanakan agihan bantuan serta projek pembangunan asnaf.

Menurutnya, antara program pembangunan asnaf termasuk projek pertanian bandar, keusahawanan serta peluang pendidikan serta penyediaan kemahiran bersesuaian dengan keperluan pasaran pekerjaan.

"Ada keperluan tanah kosong di perumahan awam DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) diisi dengan projek ini yang menyasarkan tambahan 10 kawasan baharu dilaksanakan bagi tanaman cili fertigasi, cendawan dan terung tahun depan," katanya menerusi temu bual bersama *Sinar Harian* pada Selasa.

Beliau menambah, aspek pembangunan asnaf sentiasa dipertingkatkan supaya selari dengan cabaran semasa bagi memastikan golongan tersebut tidak tercincir dari arus pembangunan.

"Antara lain, cadangan yang turut diberikan perhatian ialah penyediaan makanan nutrisi dalam projek bakul makanan dan



Abdul Aziz memberitahu PPZ-MAIWP sentiasa meningkatkan kesedaran pembayaran zakat termasuk menyediakan wakalah iaitu dasar pengembalian wang zakat untuk agihan asnaf.

pembentukan leSEN kenderaan bagi membantu asnaf menuhi peluang sektor gig ekonomi.

"Pembentukan leSEN pengangkutan berat juga berpotensi untuk bantu asnaf menjana pen-

dapatian bulanan secara tetap susulan terdapat permintaan bagi memenuhi sektor pekerjaan tersebut," katanya.

Abdul Aziz memberitahu, PPZ-MAIWP turut meningkatkan kesedaran pembayaran

zakat dalam kalangan syarikat-syarikat korporat serta individu.

Katanya, pembayar zakat memperoleh manfaat potongan cukai pendapatan selain wakalah iaitu dasar pengembalian wang zakat untuk diagihkan kepada asnaf yang layak.

"Wakalah boleh dipohon oleh individu, syarikat, majikan atau institusi pengajian tinggi yang membayar zakat di PPZ-MAIWP bermula pada kadar 12.5 peratus sehingga 50 peratus.

"Bagi syarikat membayar zakat perniagaan RM10,000 setahun ke atas layak menerima pulangan wakalah 37.5 peratus manakala RM1 juta setahun ke atas layak menerima pulangan wakalah 50 peratus," jelasnya.

Selain itu, majikan yang mewajibkan sekurang-kurangnya 80 peratus kakitangan mereka membuat potongan zakat dan melebihi RM100,000 setahun, layak menerima pulangan wakalah pada kadar 37.5 peratus.